

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HKN 204 Kesusasteraan Bercorak Islam di Nusantara

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Bincangkan pemakaian konsep Nur di dalam hikayat Nur Muhammad dan makna-makna keruhaniannya termasuklah alasan-alasan mengapa esensi penciptaan atau asal usul kejadian dipanggil Nur, dan mengapa dihubungkaikan dengan nama Nabi Muhammad S.A.W. Kemukakan rujukannya dalam al-Qur'an. Kemukakan juga secara ringkas makna simbolik daripada imej burung di dalam hikayat ini.
2. Kitab Seribu Masalah ini ditulis di Aceh pada kurun ke-17. Eincangkan kandungan kitab ini, terutama yang berkenaan dengan eskatologi Islam dan tafsir yang dikemukakan para Sufi dan filosof Muslim seperti Imam al-Ghazali, Ibn 'Arabi, Jalaluddin Rumi dan Ibn Sina mengenai gambaran kiamat kecil dan kiamat besar. Kemudian simpulkan mesej keruhanian dan sosial daripada kitab ini.
3. Siapakah pengarang kitab Bustan al-Salatan dan bilakah ia ditulis? Kemukakan beberapa fasal yang ada di dalam kitab ini selain daripada fasal 13. Apakah yang mendorong pengarang menulis kitab ini. Kemudian bincangkan satu [1] daripada aspek-aspek berikut:

.../2

- [a] Aspek pensejarahan atau historiografinya dengan menekankan kebaruananya berbanding kitab sejenis yang sezaman atau sebelumnya.
 - [b] Aspek penggambaran Taman Ghairah dan Gegunongan, termasuk fungsi dan makna simboliknya, serta alasan mengapa penulis Bustan mementingkan deskripsi mengenai Taman Ghairah berbanding Gegunongan.
 - [c] Aspek penggambaran Upacara Pula Batee, dilihat daripada sudut fungsi sosial politiknya dan kesan religio-magisnya.
4. Apakah yang dimaksudkan dengan "sastera suluk"? Mengapakah Suluk Wajil layak dipandang sebagai karya zaman peralihan Hindu-ke-Islam? Bincangkan satu [1] daripada aspek-aspek penting daripada suluk ini:
- [a] Falsafah diri. Kaitkan dengan ajaran Imam al-Ghazali di dalam Kimia Kebahagiaan dan ajaran Hamzah Fansuri di dalam syair-syairnya.
 - [b] Penggunaan simbol cermin dan wayang, serta kaitannya dengan falsafah nafi-isbat.
 - [c] Kaitan suluk ini dengan Hikayat Nur Muhammad.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Pada pandangan anda tafsiran manakah yang lebih sesuai untuk memahami "Hikayat Maharaja Ali," tafsiran A. Bausani (dalam "Notes on the Structure of the Classical Malay Hikayat") atau tafsiran hermeneutik kerohanian Islam? Jawab dengan mengemukakan perbincangan yang kritis.
6. Sejauh manakah Risalah Hayy bin Yaqzan terjemahan Ahmad Abdul Qadir merupakan naratif falsafah tentang tingkat-tingkat ilmu? Setakat manakah pula ia merupakan naratif tentang jalan hidup yang sempurna bagi seseorang insan? Bincangkan.
7. Dengan merujuk kepada sekurang-kurangnya lima rangkap puisi Hamzah Fansuri, jelaskan bagaimana penyair Melayu yang agung itu menampilkan ajaran Sufinya tentang perhubungan manusia dengan Tuhan, khususnya wahdat al-wujud.

.../3

8. Sejauh manakah Syair Siti Zubaidah Perang China menepati prinsip-prinsip kesusasteraan Islam seperti yang ditonjolkan oleh Prof. Lois Lamya' al-Faruqi dalam bukunya Islam and Art?

-ooooooo-